

WARANTI TERHAD PRODUK PENGGUNA PENGILANG SANDISK

Tarikh Berkesan: 1 Mac 2021

SanDisk memberikan waranti ini kepada pembeli pengguna akhir ("Anda"), bahawa produk ini ("Produk"), tidak termasuk kandungan dan atau perisian yang dibekalkan dengan atau pada Produk tersebut, adalah tanpa kecacatan material dalam pembuatan, akan menepati spesifikasi produk diumumkan oleh SanDisk, dan adalah sesuai untuk penggunaan biasa mengikut arahan yang diumumkan dalam [Tempoh Waranti](#) yang dinyatakan dalam jadual bermula pada tarikh pembelian dengan syarat bahawa Produk tersebut adalah ditempatkan di pasaran secara sah. Waranti ini diberikan kepada Anda sahaja dan tidak boleh dipindah milik.

Waranti ini tidak merangkumi penggunaan Produk tersebut berkaitan dengan kegunaan atau peranti berikut (seperti yang ditentukan oleh SanDisk): (i) rosak rusuk biasa, (ii) peranti pemantauan video, keselamatan dan pengawasan, (iii) protokol internet/kamera rangkaian, (iv) peranti rakaman dalam kereta/kamera papan pemuka/kamera kotak hitam, (v) peranti paparan yang menggelung video, (vi) peranti set top box rakaman secara berterusan, (vii) peranti pembakalan data secara berterusan seperti pelayan, atau (viii) penggunaan berlebihan lain yang melebihi penggunaan biasa mengikut arahan yang diterbitkan. Pengecualian waranti yang dinyatakan dalam poin (ii) – (vii) di atas tidak terpakai kepada yang berikut: SanDisk Kad SD Mikro Pemantauan Video Daya Tahan Tinggi terletak [di sini](#).

Waranti ini merangkumi produk asli SanDisk sahaja. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, SanDisk berhak untuk menolak sokongan waranti terhadap barang yang bukan diimport melalui saluran yang dibenarkan.

Untuk membuat tuntutan waranti, sila hubungi SanDisk di nombor telefon di [halaman](#) ini atau support@SanDisk.com dalam Tempoh Waranti dan bekalkan bukti pembelian (menunjukkan tarikh dan tempat pembelian dan nama penjual semula) dan nama, jenis dan nombor produk. Anda boleh memulangkan Produk tersebut selepas memperolehi nombor Kebenaran Pemulangan Bahan terdahulu dan mengikut garis panduan lain yang disenaraikan. Untuk maklumat lebih lanjut lihat shop.westerndigital.com/en-ap/sandisk dan pilih "sokongan". Waranti ini bersyarat atas pemulangan Produk tersebut. SanDisk tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Produk yang hilang atau rosak semasa penghantaran.

SanDisk boleh, atas pilihannya, sama ada: (1) membaiki atau mengganti Produk tersebut dengan Produk yang diperbaiki atau diperbaharui dengan kapasiti yang sama atau lebih besar, atau produk lain yang setara; atau (2) memulangkan nilai pasaran semasa Produk tersebut pada masa tuntutan waranti dibuat kepada SanDisk, atau nilai yang ditentukan oleh keperluan serantau, jika SanDisk tidak dapat membaiki atau mengganti Produk tersebut. Lihat di bawah untuk keperluan serantau. Dalam kes penggantian, SanDisk boleh mengganti Produk tersebut dengan produk yang sebelumnya digunakan, diperbaiki, dan diuji untuk memenuhi spesifikasi SanDisk. SanDisk tidak akan bertanggungjawab atas kerosakan tidak langsung atau berbangkit (termasuk kehilangan data), atau atas kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan yang tidak betul (termasuk penggunaan dalam peranti atau dengan cara yang tidak serasi dan penggunaan sebaliknya tidak mengikut

arahan), atau oleh pemasangan yang tidak betul, pembaikan yang tidak profesional, pengubahsuaian atau kemalangan. Ini merupakan keseluruhan tanggungjawab SanDisk yang tidak akan melebihi harga yang anda bayar kepadanya, ditambah dengan kos yang diperlukan yang anda buat untuk tuntutan waranti. Produk SanDisk tidak boleh digunakan dalam aplikasi di mana kegagalan akan mengancam kecederaan atau nyawa, seperti sistem sokongan hidup. SANDISK MENAFIKAN SEMUA WARANTI YANG TERNYATA DAN TERSIRAT SETAKAT MANA YANG DIBENEARKAN SEPENUHNYA OLEH UNDANG-UNDANG. SEKIRANYA SANDISK TIDAK DAPAT MENAFIKAN WARANTI TERSIRAT DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI, SETAKAT YANG MUNGKIN, WARANTI TERSIRAT TERSEBUT ADALAH TERHAD KEPADA TEMPOH WARANTI TERNYATA. TEMPOH WARANTI UNTUK SEBARANG PRODUK YANG DIGANTI ADALAH BAHAGIAN TEMPOH WARANTI YANG TINGGAL DALAM PRODUK ASAL ANDA. SESETENGAH BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN PENGECEUALIAN ATAU PENGEHADAN KEROSAKAN BERSAMPINGAN ATAU BERBANGKIT, JADI PENGECEUALIAN ATAU PENGEHADAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK AKAN TERPAKAI KEPADA ANDA.

Waranti ini memberikan anda hak undang-undang tertentu. Undang-undang negara dan tempatan boleh memberikan anda hak lain yang tidak dipengaruhi oleh waranti ini.